



Kota Bharu dicalonkan sebagai "World Craft City", MCC martabatkan kraf Kelantan ke peringkat dunia

MB Kelantan santuni 105 bakal siswa ke Timur Tengah

Ketua jabatan diseru proaktif semarakkan budaya inovasi

Syarikat Ladang Sungai Terah raih penarafan lima bintang

Kelantan sokong penuh Kota Bharu sebagai Bandar Kreatif Gastronomi UNESCO

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 7 September — Kerajaan Negeri Kelantan menyatakan sokongan penuh terhadap penganjuran Festival Citarasa Warisan @ Pantai Timur 2025 yang disifatkan sebagai platform penting untuk mengangkat martabat seni, budaya dan warisan negeri, sekaligus memperkukuh aspirasi menjadikan Kota Bharu sebagai Bandar Kreatif Gastronomi UNESCO.

Menteri Besar Kelantan YABo Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata pengiktirafan itu amat signifikan memandangkan makanan warisan merupakan antara tarikan utama pelancong ke negeri ini, seiring dengan status Kelantan sebagai destinasi budaya.

"Malaysia kini hanya mempunyai satu bandar yang diiktiraf UNESCO sebagai Bandar Gastronomi iaitu Kuching, Sarawak. Selepas ini, Kota Bharu berpotensi menjadi bandar kedua yang meraih pengiktirafan berprestij ini," katanya ketika dalam majlis perasmian festival berkenaan di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV, malam tadi.

Majlis perasmian pula dis-

empurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan, Sultanah Nur Diana Petra Abdullah.

Menteri Besar turut menegaskan bahawa seni, budaya dan warisan adalah cerminan identiti manusia.

Menurutnya, Kelantan kaya dengan makanan tradisi dan seni persembahan seperti wayang kulit, dikir barat, silat, kraftangan seperti anyaman kercut, batik dan songket, serta permainan tradisional seperti gasing.

"Antara pengiktirafan antara-bangsa yang diterima Kelantan ialah Mak Yong (2008), Silat (2019), Upacara Wangkang (2020) dan Songket (2021) yang diinskripsi di bawah UNESCO. Wayang Kulit Kelantan pula sedang dicalonkan

untuk inskripsi pada tahun 2026," jelasnya.

Mengulas aspek kulineri, beliau menegaskan makanan warisan adalah aset besar pelancongan negeri. Antara menu popular termasuk nasi tumpang, nasi kerabu, lompat tikam dan cek mek molek, namun beberapa juadah tradisi seperti teresekek jantung pisang, kuih beko, kuih poli dan ubi gadong rebus semakin jarang ditemui.

"Perubahan citarasa, kurang minat generasi muda serta kesukaran mendapatkan bahan mentah menjadi faktor kepupusan makanan tradisi ini. Justeru, promosi dan pengkomersialan perlu diperhebat agar ia terus relevan di peringkat lebih tinggi, bukan sekadar bertahan di kampung atau daerah," katanya.

“

Malaysia kini hanya mempunyai satu bandar yang diiktiraf UNESCO sebagai Bandar Gastronomi iaitu Kuching, Sarawak. Selepas ini, Kota Bharu berpotensi menjadi bandar kedua yang meraih pengiktirafan berprestij ini,”

Beliau turut mencadangkan festival seumpama itu dijadikan agenda berkala negeri bagi memastikan kelestarian makanan warisan, selain merencanakan sektor pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Dato' Shahrudin Abu Sohot.

Diiringi, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor dan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara Mohamad Muda Bahadin.



Kota Bharu dicalonkan sebagai “World Craft City”, MCC martabatkan kraf Kelantan ke peringkat dunia

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 10 September – Kota Bharu kini melangkah setapak lagi dalam usaha memartabatkan kraf tradisional apabila secara rasmi dicalonkan sebagai “World Craft City” di bawah World Crafts Council (WCC).

Majlis menandatangani plak pencalonan itu berlangsung di sebuah hotel di sini dengan keberangkatan tiba DYMM Sultanah Kelantan Sultanah Nur Diana Petra Abdullah pada 7 September lalu.

Baginda diiringi Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor bersama Naib Presiden WCC (Rantau Asia Pasifik) dari India Sundeep Kumar.

Sehubungan itu, Datuk Kamarudin merakamkan penghargaan kepada Malaysian Craft Council (MCC) atas inisiatif menganjurkan majlis tersebut yang disifatkan sebagai langkah penting sebelum penilaian rasmi dibuat oleh pihak WCC.

“Walaupun pencalonan ini belum menjamin pengiktirafan muktamad, ia sudah cukup mem-



buktikan bahawa warisan seni kraf negeri Kelantan diiktiraf dan diberi perhatian di peringkat antarabangsa,” katanya.

Tambahnya, majlis tersebut menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dari sektor kerajaan dan swasta, menandakan permulaan usaha bersama bagi memelihara dan mengembangkan seni kraf Malaysia ke tahap lebih tinggi di pentas dunia.

Sementara itu, Presiden MCC Nik Faiz Nik Amin memaklumkan bahawa pencalonan berkenaan diharapkan dapat mengangkat martabat

penggiat seni kraf tempatan ke persada dunia.

“Kita juga berharap pencalonan ini dapat menjana peluang ekonomi, khususnya kepada komuniti wanita dan penggiat seni tekstil tradisional. Sekali gus memperkukuh usaha menjadikan Kelantan destinasi pelancongan beridentitikan warisan dan budaya,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Majlis berprestij itu turut menampilkan demonstrasi eksklusif oleh dua tokoh Adiguru Nik Marhamah Nik Megat (Sulaman Kelingkan) dan Che Rohani Che

“

Walaupun pencalonan ini belum menjamin pengiktirafan muktamad, ia sudah cukup membuktikan bahawa warisan seni kraf negeri Kelantan diiktiraf dan diberi perhatian di peringkat antarabangsa,”

Mood (Tenunan Songket) yang mempersembahkan proses penghasilan tekstil tradisional kepada para tetamu.

Kata Nik Faiz lagi, MCC ialah organisasi bukan kerajaan yang menjadi agen advokasi pembangunan industri kraf negara, merangkumi batik, songket, tenun, perak, seramik dan sulaman.

“MCC juga bertindak sebagai jambatan antara penggiat seni kraf dengan industri seni persembahan, melalui sinergi dan jaringan strategik di peringkat antarabangsa,” ujarnya.



MB Kelantan santuni 105 bakal siswa ke Timur Tengah

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 8 September – Sejumlah 105 pelajar Kelantan yang akan melanjutkan pengajian ke Timur Tengah tahun ini disantuni Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud dalam satu majlis ramah mesra di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Majlis yang turut diserikan dengan penyampaian sumbangan bernilai RM52,500 itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam menyokong agenda pendidikan tinggi, khususnya dalam melahirkan ilmuan Islam dan profesional berjiwa rakyat dari Kelantan.

Menteri Besar menekankan kepentingan menuntut ilmu dengan penuh keikhlasan, bukan untuk mencari kedudukan atau kemasy-



huran.

Beliau turut mengingatkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,

“barangsiapa yang mencari ilmu dengan tujuan menyaingi ulama (berdebat dengan mereka) atau mempermainkan orang-orang bodoh dan supaya dihormati oleh manusia, Allah akan memasukkannya ke dalam neraka.”

Jelas beliau, ilmu yang diperoleh harus dimanfaatkan untuk diri

sendiri, masyarakat serta pembangunan negeri sebaik sahaja para pelajar kembali ke tanah air.

“Saya berharap para pelajar ini akan pulang suatu hari nanti sebagai aset penting yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan, sama ada dalam aspek pendidikan, dakwah mahupun kepimpinan masyarakat,” katanya.

Bakal mahasiswa tersebut dijadualkan melanjutkan pengajian



di Mesir, Jordan dan Tunisia dalam pelbagai bidang termasuk Ulum Islamiah, perubatan dan pergigian, pengajian Islam serta ilmu qiraat.

Turut hadir, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK), Zulkifle Ab Rahman serta Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Nik Jessim Nik Hashim.

ADN Belia Kelantan angkat suara anak muda ke peringkat negeri



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 8 September – Program Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia Kelantan disifatkan sebagai platform rasmi yang mengangkat suara anak muda ke peringkat negeri serta menjadi jambatan penting antara belia dengan kerajaan.

Perkara tersebut diakui Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpadu-

an Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad ketika menyampaikan watakah pelantikan ADN Belia Kelantan sempena Bengkel Pemerkasaan ADN Belia di Min House Camp, Kubang Kerian pada 30 Ogos lalu.

Beliau berkata, ADN Belia merupakan medan melahirkan pandangan dasar, aspirasi generasi muda serta pemimpin pelapis yang berintegriti, berwawasan dan dekat

dengan rakyat.

“Insha Allah, pada Oktober nanti ADN Belia Kelantan akan bersidang buat kali pertama. Saya pesan, berbahaslah dengan berhemah, berpandukan fakta dan sentiasa inklusif,” katanya

Tambahnya, Sidang DUN Belia pertama bagi penggal ini bakal memberi peluang ADN Belia memahami proses legislatif, berfikir secara kritis dan berperanan

sebagai agen perubahan yang membina. Ini adalah ruang terbaik melatih anak muda menjadi penyambung kepimpinan negeri pada masa depan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Program, Nik Ahmad Nuri Nik Ismail menjelaskan, pelantikan ADN Belia berkuat kuasa setahun bermula Ogos 2025 hingga Ogos 2026.

“ADN Belia Kelantan mempunyai 58 kerusi keseluruhan, merangkumi 45 wakil Dewan Undangan Negeri (DUN), empat wakil institusi pengajian tinggi awam (UMK, UiTM Cawangan Kelantan, KIAS dan IPG Kota Bharu), tiga wakil persatuan (Majlis Gabungan Belia Kelantan, Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan dan Pusat Integrasi Antara Kaum Negeri Kelantan), serta enam kerusi lantikan khas.”

“Bengkel tiga hari bermula 28 hingga 30 Ogos lalu memberi pendedahan mengenai struktur pentadbiran kerajaan negeri, tatacara persidangan dewan, etika berbahas, kemahiran berhujah serta simulasi penuh sidang ADN Belia Kelantan,” jelasnya Ketika dihubungi, hari ini.

Belia teras masa depan, penggerak inovasi pertanian Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 8 September – Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menegaskan bahawa penglibatan belia perlu diperkasa sebagai teras kesinambungan agro negeri serta penggerak utama inovasi pertanian masa depan.

Menurutnya, data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan hanya 15.5 peratus tenaga buruh muda berusia bawah 40 tahun terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2023, satu angka yang masih rendah berbanding keperluan sebenar negara untuk menjamin keterjaminan makanan.

“Jika jurang ini tidak ditangani, kita berisiko kehilangan generasi pelapis dalam sektor penting ini. Justeru, belia mesti tampil sebagai penyambung generasi, peneraju agropreneur moden dan penggerak teknologi baharu seperti pertanian



pintar, automasi serta pemasaran digital,” katanya ketika merasmikan Bengkel Agroniaga Muda 2025 di Dewan Saidina Abu Bakar, Kompleks Islam Darulnaim Lundang, di sini, hari ini.

Program dua hari anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerjasama Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBC), Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Agrobank dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

itu menghimpunkan 40 peserta daripada pelbagai bidang termasuk pertanian, penternakan, perikanan, industri asas tani dan usahawan muda.

Sepanjang bengkel, peserta diberi pendedahan menyeluruh merangkumi Taklimat Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan pembiayaan sehingga RM50,000, strategi pemasaran FAMA, skim pembiayaan Agrobank serta modul penyediaan rancangan perniagaan bersama pakar UMK.



Dato' Tuan Mohd Saripudin turut menzahirkan penghargaan kepada KBC dan semua agensi rakan strategik yang menyumbang kepakaran tenaga penceramah serta perkongsian ilmu sepanjang bengkel tersebut.

“Program begini wajar diteruskan sebagai platform belia menimba pengalaman, membina jaringan agro yang dinamik serta melahirkan usahawan tani moden yang menyumbang kepada ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat,” tegasnya.

Tanah Merah tuan rumah sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 dan ANMS



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 September – Tanah Merah bakal mencatat sejarah apabila dipilih sebagai tuan rumah Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 yang digabungkan bersama Promosi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah memaklumkan bahawa

program tersebut dijadual berlangsung pada Oktober depan.

Menurutnya, pemilihan Tanah

Merah sebagai lokasi sambutan memberi mesej jelas bahawa usaha memperkukuh kesedaran kesihatan mental dan gaya hidup sihat mesti diperluas hingga ke komuniti luar bandar.

“Kesihatan mental adalah asas kebahagiaan, ketahanan diri dan kepuasan hidup. Melalui sambutan ini, pelbagai acara di bawah ANMS dan Kelantan Sihat akan melibatkan masyarakat pelbagai lapisan, selaras dengan usaha meningkatkan kesedaran terhadap amalan gaya hidup sihat,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau juga menegaskan bahawa program berkenaan mampu meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu kesihatan mental.

Sekali gus menyokong usaha pencegahan serta rawatan menyeluruh bagi penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, hipertensi, obesiti dan sakit jantung.

“Melalui program dan kempen kesedaran berterusan, kita berharap dapat melahirkan rakyat yang sihat, produktif dan berkualiti menjelang 2030,” tambahnya.

Terdahulu, YB Hilmi mener-

ima kunjungan hormat daripada Pegawai Kesihatan Daerah Tanah Merah bagi membincangkan perediaan penganjuran acara berkenaan.

Untuk rekod, Hari Kesihatan Mental Sedunia (World Mental Health Day) disambut pada 10 Oktober setiap tahun sejak diperkenalkan oleh World Federation for Mental Health pada 1992.

Di Malaysia, tarikh tersebut turut diangkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai platform rasmi meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kesihatan mental.



Ketua jabatan diseru proaktif semarakkan budaya inovasi



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 September – Ketua-ketua jabatan di negeri ini diseru agar lebih proaktif memastikan penyertaan dalam pertandingan inovasi dan program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), bukan semata-mata mengejar anugerah, tetapi sebagai platform berterusan untuk men-

gaplikasikan idea baharu dalam tugas harian.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, berkata inovasi perlu dijadikan budaya kerja yang konsisten, seiring tuntutan perkhidmatan awam masa kini yang kian mencabar dan dinamik.



“Teruskan mencari pendekatan kreatif dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik. Jadikan inovasi dan kreativiti asas meningkatkan prestasi serta produktiviti, selaras aspirasi Kelantan untuk maju dan berdaya saing,” tegasnya ketika merasmikan Hari Inovasi Sektor Awam Kelantan 2025 di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau turut menekankan bahawa inovasi bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan bagi memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang lebih cekap, responsif dan mesra pelanggan.

Dalam pada itu, beliau berkongsi kejayaan Malaysia yang melonjak ke tangga ke-33 dalam Indeks Inovasi Global 2024, berbanding kedudukan ke-36 pada tahun sebelumnya, sekali gus membuktikan daya cipta, kreativiti dan adaptasi teknologi negara berada pada landasan tepat.

“Penyertaan penjawat awam dalam pertandingan inovasi dan KIK seharusnya dilihat sebagai usaha memperkukuh budaya kerja kreatif, yang akhirnya memberi manfaat langsung kepada rakyat,” katanya.

Program inovasi SUK suburkan budaya kerja progresif

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 September – Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Dato' Abdul Fattah Hasbullah menegaskan bahawa penganjuran program inovasi mencerminkan komitmen murni Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dalam menyuburkan budaya kerja progresif, kreatif dan responsif terhadap perubahan semasa.

Menurutnya, SUK sebagai agensi induk pentadbiran awam negeri sentiasa berperanan penting melaksanakan agenda pentadbiran selaras dengan dasar kerajaan negeri, Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

“Kerajaan Negeri Kelantan itu sendiri adalah manifestasi inovasi dan transformasi kerana telah mengubah cara pelaksanaan pentadbiran daripada konvensional kepada berteraskan syariah.

“Justeru, seluruh warga pentadbiran awam diseru melipatgandakan usaha, berdaya saing dan memberi komitmen berterusan ke arah matlamat pentadbiran awam Kelantan yang lebih kreatif dan inovatif,” katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Hari Inovasi Sektor Awam Kelantan 2025 di Dewan Teratai, Kompleks



Kota Darulnaim, hari ini.

Tambahnya, pembudayaan inovasi membuka ruang kepada pemikiran baharu dan memperkasa penggunaan teknologi serta menghasilkan penyelesaian yang mampan dan berimpak tinggi untuk kesejahteraan rakyat.

Hari Inovasi Sektor Awam peringkat negeri yang memasuki edisi ke-16 sejak 2010 itu menyaksikan persaingan pelbagai agensi kerajaan negeri dalam empat kategori utama iaitu Inovasi Pengurusan Kewangan, Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan, Inovasi Pihak



Berkuasa Tempatan serta Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Antara pemenang utama tahun ini ialah

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dengan projek Sistem MyMAIK Dashboard mengungguli

Kategori Inovasi Pengurusan Kewangan.

Bagi Kategori Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan pula Majlis Daerah Tanah Merah menyerlah dengan projek Sistem Pengimbasan A.I. dalam Penguatkuasaan

Lesen Perniagaan.

Seterusnya, Kategori Inovasi ICT dijuarai Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat SUK Negeri Kelantan dengan projek Portal Digital Kelantan. Manakala tiada pemenang diumumkan bagi Kategori Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan.

Majlis tersebut turut dihadiri Pegawai Kewangan Negeri YB Dato' Rosnazli Amin, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Nik Raisnan Daud serta ketua-ketua jajahan dan jabatan kerajaan negeri.

Syarikat Ladang Sungai Terah raih penarafan lima bintang

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 September – Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd., anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) muncul sebagai penerima penarafan tertinggi lima bintang dalam Majlis Anugerah Penarafan Syarikat Anak PKINK 2024 di Kelantan Trade Center (KTC), semalam.

Empat lagi syarikat menerima penarafan empat bintang iaitu Syarikat Infra Quest Sdn. Bhd. (IQSB), Kelstone Sdn. Bhd. (KSB), Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPKSB) dan Permodalan Kelantan Berhad (PKB).

Setiap syarikat yang menerima pengiktirafan membawa pulang hadiah wang tunai, cek cura dan piala penghargaan.

Dalam majlis yang sama, sebanyak 24 kakitangan daripada syari-



kat anak PKINK turut menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 sebagai pengiktirafan atas dedikasi dan prestasi cemerlang mereka.

Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud.

Menerusi hantaran di media sosial, Menteri Besar menegaskan bahawa pengiktirafan tersebut bukan

sekadar mengiktiraf prestasi kerja, tetapi turut mencerminkan kesan positif kepada pembangunan negeri serta manfaat langsung kepada rakyat.

"Saya berharap penghargaan ini menjadi pemangkin semangat untuk meneruskan kecemerlangan dan membawa organisasi ke tahap lebih tinggi serta memastikan manfaatnya kembali dinikmati oleh rakyat negeri Kelantan," katanya.

Beliau turut menekankan baha-



wa setiap tugas yang dilakukan di tempat kerja boleh menjadi ibadah sekiranya diniatkan ikhlas kerana Allah.

"Inilah sebuah prinsip yang menerapkan budaya kerja berteraskan Ubudiyyah (pengabdian), Mas'ul-iyah (tanggungjawab) dan Itqan (ketekunan). Nilai inilah yang menjadi pemacu utama kejayaan dasar Membangun Bersama Islam (MBI), melalui budaya kerja berkualiti dan penuh amanah," jelasnya.

300 peserta meriahkan sambutan Maulidur Rasul Peringkat DUN Kelaboran



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 7 September – Bandar Bentara Tumpat bergema dengan alunan selawat apabila lebih 300 peserta menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat DUN Kelaboran, hari ini.

Program anjuran bersama Majlis Daerah Tumpat dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kelaboran itu disertai 10 kontingen termasuk Majlis Daerah Tumpat, Pejabat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) Jajahan Tumpat, Ladang Rakyat

DUN Kelaboran, Persatuan Pasar Sumayyah Tumpat, Bazar Tok Seleh, pelajar Maahad Muhammadi Tumpat, Maahad Tahfiz Bustanul Ariffin, Pondok Muharji Kampung Bendang Gelang Dalam Rhu serta penduduk kampung sekitar.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adnan Hassan menegaskan bahawa sambutan Maulidur Rasul perlu dimaknakan lebih daripada sekadar perarakan.

"Marilah kita bertekad bersama keluarga untuk menghidupkan

masjid dan surau supaya syiar Islam terus ditegakkan. Kita juga perlu meneliti sama ada keluarga kita benar-benar melaksanakan sunah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian," katanya.

Manakala, Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz pula mengingatkan bahawa tradisi sambutan Maulidur Rasul mempunyai akar sejarah yang panjang.

"Perarakan selawat bukanlah tradisi baharu. Ia bermula sejak zaman Rasulullah SAW ketika baginda disambut dengan selawat dan nasy-

id oleh penduduk Madinah setelah berhijrah dari Mekah. Ingatan kepada Nabi perlu diterjemahkan dengan amal serta menyambung perjuangan baginda. Inilah tanda sebenar kecintaan kita kepada Rasulullah SAW," ujarnya.

Turut hadir, Pegawai Agama Jajahan Tumpat Ustaz Nik Ahmad Zuhdi Nik Yaacob, Ketua WHIP Majlis Daerah Tumpat Nazri Abdullah Ahli-Ahli Majlis Daerah Tumpat serta ketua-ketua jabatan kerajaan.

Seorang peserta, Nurul Zulaikha Mohd Zulhairi, 23, menyifatkan penyertaan kali ini memberi pengalaman bermaknanya pada usia belia.

Siswi universiti awam itu mengaku selepas sekian lama tidak menyertai perarakan sebegini, program kerohanian tersebut memugar kenangannya.

"Saya sangat seronok kerana dapat bersama masyarakat dalam suasana penuh ukhuwah. Aktiviti ini mengembalikan ingatan ketika melihat perarakan Maulidur Rasul waktu masih kanak-kanak yang membuat saya lebih menghayati perjuangan Rasulullah SAW," katanya.

Kelantan biayai naik taraf padang bola, realisasikan setiap DUN satu padang bola sepak

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 September – Kerajaan Negeri Kelantan mengambil langkah proaktif dalam memperkasa pembangunan sukan akar umbi apabila membiayai kos sebanyak RM200,000 bagi setiap kawasan Dewan Negeri (DUN) untuk menaik taraf padang bola sepak mengikut piawaian yang ditetapkan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, kos tersebut akan digunakan bagi menaik taraf padang sedia, termasuk kerja-kerja menambun dan meratakan tanah, pembinaan pagar di sekeliling padang, pembinaan astaka serta bangku, pemasangan tiang gol dan penghadang di belakang gol.

“Kerajaan negeri akan menanggung sepenuhnya kos menaik taraf padang bola di setiap DUN, dan ini adalah sebahagian daripada usaha memastikan setiap DUN mempunyai satu padang bola yang berkuali-



ti dan menepati piawaian,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial, pada Sabtu.

Tambah beliau, kebanyakan DUN di Kelantan telah pun mempunyai padang bola, dan fokus kerajaan kini adalah kepada menaik taraf fasiliti sedia ada agar dapat dimanfaatkan secara optimum oleh masyarakat setempat.

“Bagi DUN yang masih belum mempunyai padang bola yang diselia kerajaan, saya telah meminta wakil rakyat DUN masing-masing untuk mengenal pasti tanah

yang sesuai bagi pembangunan padang bola baharu,” katanya lagi.

Setakat ini, kerja-kerja pembinaan dan naik taraf padang sedang berjalan di dua lokasi iaitu Gual Ipoh dan Kuala Balah, selepas peruntukan diluluskan dan proses pembinaan dimulakan.

Dalam masa yang sama, YB Zamakhshari turut menegaskan komitmen kerajaan negeri untuk merealisasikan hasrat “Satu DUN, Satu Padang Bola Mengikut Piawaian”, sebagai salah satu inisiatif memperkukuh pembangunan



sukan di peringkat akar umbi.

Terdahulu, beliau telah merasmikan Padang Bola Apam Putra yang terletak di Kampung Repek, yang telah dinaik taraf mengikut spesifikasi padang bola sepak sebenar.

“Walaupun fasiliti ini baru di peringkat pertama, padang ini sudah boleh digunakan oleh orang awam dan pastinya memberi ruang kepada penduduk setempat, khususnya di Apam Putra, untuk menjalankan aktiviti sukan dan riadah,” ujarnya.

U-BeS kelolakan Konvoi Belia Benci Dadah gempur tujuh jajahan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 September – Kerajaan Negeri Kelantan memperhebatkan usaha membanteras najis dadah apabila menganjurkan Konvoi Belia Benci Dadah Negeri Kelantan pada 19 dan 20 September ini.

Timbalan Pengarah Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) Mohd Firdaus Mohamed Nawi berkata, konvoi kelolaan U-BeS itu melibatkan 100 peserta bermotosikal dari kalangan NGO serta agensi

kerajaan merentasi tujuh jajahan yang bertujuan menyatukan suara belia menentang dadah di samping merapatkan hubungan pemimpin belia dengan anak muda.

“Program ini merupakan cetus idea Alternative Riding Club (ARC) yang disambut baik oleh Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad, serta mendapat sokongan padu pelbagai agensi,” katanya pada sidang media di Mabna, semalam.

Antara agensi terlibat ialah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), PEMADAM Negeri Kelantan, Rumah Saidina Umar dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) Baitul Taubah.

Konvoi akan bermula di Kompleks Kota Darulnaim sebelum bergerak ke Bachok, Pasir Puteh, Kuala Krai, Gua Musang, Jeli dan berakhir di Pasir Mas.

Menurutnya, sepanjang program, pengisian turut difokuskan

kepada aspek pencegahan, pemulihan dan pendidikan masyarakat. Antara aktiviti termasuk sesi santai bersama klien pemulihan di Rumah Saidina Umar dan Baitul Taubah bagi memberi sokongan moral, serta program “terjah anak muda” di beberapa lokasi tumpuan seperti Masjid Ibrahim dan Pasar Pendekar di Pasir Puteh.

Tambah Firdaus, langkah itu penting kerana ada remaja terjebak akibat pengaruh rakan sebaya tanpa sedar bahawa bahan yang diam-bil sebenarnya dadah berbahaya.



Kelantan negeri kedua tubuh Dewan Mahkamah Teknologi Mahkamah Syariah selepas Sarawak

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 September – Kelantan mencatat sejarah apabila menjadi negeri kedua di Malaysia selepas Sarawak yang menubuhkan Dewan Mahkamah Teknologi bagi Mahkamah Syariah.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata kemudahan tersebut hanya digunakan untuk membicarakan kes-kes mal (harta) sahaja, dan tidak melibatkan kes jenayah.

“Dengan adanya Dewan Bicara Mahkamah Teknologi ini, kos pengangkutan serta penginapan kerana perbicaraan dilakukan di tempat masing-masing dapat dikurangkan. Sistem ini hanya memerlukan



kan penyediaan capaian internet yang baik bagi melancarkan proses perbicaraan,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Isnin.

Beliau juga menjelaskan bahawa penggunaan teknologi dalam sistem perbicaraan berkenaan dapat membantu mengurangkan kes-kes tertangguh yang sering menjadi isu dalam sistem perundangan

syariah

Terdahulu beliau merasmikan Dewan Mahkamah Teknologi Mahkamah Syariah Negeri Kelantan di Kompleks Mahkamah Syariah, Bandar Baru Tunjung, di sini, pada Isnin.

Turut hadir, Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah,



Ketua Hakim Syarie Dato' Ibrahim Deris, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Sahibus Samahah Dato' Kaya Perba Dato' Mohamad Shukri Mohamad, wakil Dato' Pengelola Istana D'Raja Kelantan, wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), dan Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan Mohd Hafiz Daud.

Kelantan pelopor penternakan Wagyu premium negara



Oleh Norzana Razaly

KOTA BHARU, 7 September – Industri ternakan negeri Kelantan melakar sejarah baharu apabila Projek Kandang Tertutup Kelfarm Seribong dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan YB Datuk Seri Mohamad Sabu, di sini, hari ini.

Projek berteknologi moden itu dianggap sebagai anjakan strategik bagi menjadikan Kelantan sebagai pusat penternakan baka Wagyu tempatan berkualiti tinggi melalui kerjasama Kelfarm dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Sehubungan itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata projek tersebut membuktikan keupayaan Kelantan dalam meneroka sektor penternakan premium yang mampu memberi nilai tambah kepada ekonomi negeri.

“Projek kandang tertutup moden ini mengawal suhu, pengudaraan, pencahayaan serta mematuhi piawaian biosekuriti antarabangsa. Inovasi ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti, malah menitikberatkan kesihatan dan kebajikan haiwan,” katanya.

Berkapasiti menampung 120 ekor lembu Wagyu dan kacukan premium, fasiliti berkenaan berfungsi sebagai pusat pembiakan baka Wagyu premium, pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam nutrisi, kesihatan dan teknologi penternakan, serta model rujukan kepada penternak dan koperasi lain untuk meningkatkan tahap pengurusan ternakan masing-masing.

Menurut beliau lagi, projek itu turut menzahirkan kerjasama erat antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Kerajaan Negeri Kelantan melalui Unit Perancang Ekonomi

Negeri dan agensi berkaitan.

“Sinergi ini sangat bermakna dalam merealisasikan hasrat meningkatkan sumbangan Kelantan terhadap pengeluaran ternakan dan keterjaminan makanan negeri serta negara. Kerajaan negeri merakamkan penghargaan kepada YB Menteri dan warga KPKM atas komitmen padu membangunkan sektor tani di Kelantan,” jelasnya.

Beliau yakin projek akan membuka ruang lebih luas kepada pembangunan industri penternakan bernilai tinggi, selain mewujudkan peluang ekonomi baharu khususnya kepada golongan muda agropreneur.



Kelantan terbitkan dokudrama khas Nasi Kerabu, sokong pengiktirafan Warisan Kebangsaan



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 10 September - Nasi Kerabu merupakan antara 213 juadah Kelantan yang diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan.

Sehubungan itu, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan atas semangat federalisme turut menzahirkan sokongan padu usaha Kementerian Pelancongan, Seni dan

Budaya (MOTAC).

Terdahulu, Ketua Setiausaha MOTAC Dato' Shaharuddin Abu Sohot mengakui pihaknya sangat komited dalam mempromosi, memartabat serta melestarikan seni, budaya dan warisan negara.

Bagi tujuan itu, katanya, langkah dilaksanakan termasuk menyediakan bantuan kewangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan korporat melalui Geran Sokongan Sektor Kebudayaan serta Geran Sokongan Sektor Pelancongan.

"Festival Citarasa Warisan @ Pantai Timur ialah antara inisiatif MOTAC ke arah itu, terutama bagi makanan yang sudah mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Kebangsaan bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005," katanya pada 6 September lalu.

Menurut Datuk Kamarudin, usaha itu dilanjutkan kepada inisiatif mendapatkan pengiktirafan UNESCO, Kota Bharu sebagai Kota Kreatif Gastronomi. Bagi tujuan itu juga, kerajaan negeri mempersembahkan siri dokudrama juadah warisan Kelantan.

"Paparannya kali ini sudah masuk siri yang ke-7 kita siarkan melalui media rasmi kerajaan negeri UPKN. Pengkisahannya dari aspek gastronomi yang belum pernah diperkatakan orang. Pasukan pembikinan dokumentari ini pun kita gunakan khidmat gabungan tenaga pakar dan amatir bagi membole-

hkan belia dan rakyat Kelantan merasai kebersamaan dalam memartabatkan khazanah warisan nenek moyang kita," jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Katanya, enam siri lain yang sudah disiarkan ialah dokudrama berkaitan gastronomi Lompat Tikam, Puteri Mandi, Jeruk Maman, Akok, Pindang Tapai dan Ketupat Sotong Mengambang.

Beliau berharap semua penonton terhibur apabila mengetahui rahsia di sebalik resipi istimewa tersebut.

"Marilah kita sama-sama menonton bingkisan sajian Nasi Kerabu versi lima warna sebagai sokongan atas kemenangan mengungguli pingat emas dan dinobatkan sebagai Juara Masakan Kebangsaan Terbaik Dunia dalam acara Worldchefs National Cuisine Challenge 2025 yang berlangsung di Dubai pada 24 Mei 2025," ujarnya.

Projek LTSIP Fasa 2 catat kemajuan 88.95 peratus, 2 hari mendahului jadual



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 10 September – Projek penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LT-SIP) Fasa 2 direkodkan berada pada tahap 88.95 peratus setakat 23 Ogos 2025, iaitu 0.53 peratus melepasi jadual asal (88.42 peratus).

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Kemajuan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin menjelaskan peratusan tersebut menunjukkan projek berkenaan mendahului jadual pembinaan sebanyak dua hari berbanding tempoh asal yang ditetapkan.

"Skop kerja yang telah dicapai meliputi keseluruhan komponen awalan, reka bentuk kejuruter-

aan serta struktur pembinaan bagi Fasa 1 dan Fasa 2. Ini sekali gus menzahirkan kawalan kualiti serta penyelarasan tapak kerja yang efektif," katanya ketika dihubungi.

Antara struktur utama yang mencatatkan kemajuan signifikan termasuklah Bangunan Terminal Utama (MTB), Transfer Pier, Pusat Bangunan Utiliti, Kompleks VVIP, Bangunan Parkir Berting-

kat (MSCP), fasiliti Airport Fire & Rescue Service (AFRS), kawasan parkir berbumbung serta kemudahan sokongan lain.

Menurutnya, pencapaian tersebut membuktikan integrasi kerja antara kontraktor utama, perunding kejuruteraan dan pihak pengurusan projek berjaya memastikan jadual kritikal (critical path) dipatuhi.

"Dengan prestasi ini, projek LT-

SIP berpotensi disiapkan mengikut sasaran. Kita berterima kasih kepada Kementerian Pengangkutan dan agensi terlibat atas kecemerlangan kemajuan ini. Kita juga yakin projek ini berupaya memberi nilai tambah kepada kapasiti operasi lapangan terbang dan melonjakkan imej Kota Bharu sebagai hab penerbangan utama Pantai Timur," ujarnya.



Kelantan tuntutan hak, pembangunan seimbang dalam RMK-13 – YB Senator Wan Martina

Oleh Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 11 September – Isu pembangunan seimbang untuk Kelantan kembali mendapat perhatian di Parlimen apabila Ahli Dewan Negara, Senator Wan Martina Wan Yusoff, menegaskan bahawa negeri itu tidak boleh terus dipinggirkan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Menurutnya, perbahasan Mesyuarat Kedua Dewan Negara pada Rabu, memberi ruang penting untuk menzahirkan keperluan asas rakyat Kelantan, termasuk hak royalti petroleum, projek Central Spine Road (CSR) dengan kemudahan rehat dan rawat, pembinaan rumah mampu milik, peluang TVET lebih inklusif, serta cadangan sambungan jajaran ECRL hingga ke Rantau Panjang.

“Kelantan mesti dilihat sebagai sebahagian daripada nadi pembangunan negara. Tanpa perhatian khusus, negeri ini berisiko terus ketinggalan daripada arus pembangunan nasional,” tegasnya.

Wan Martina turut menekankan keperluan mempercepat pembangunan Pelabuhan Tok Bali sebagai hab maritim strategik, di



samping memperkuat peranan Agensi Kawalan Pintu Sempadan (AKPS) dalam membanteras aktiviti penyeludupan dadah di kawasan sempadan.

Dalam sesi pertanyaan lisan, beliau membangkitkan dua isu mendesak: perkembangan Rang Undang-Undang Penjagaan dan Perlindungan Warga Emas – penting menjelang status Malaysia sebagai negara menua pada 2030, serta kelemahan infrastruktur keselamatan di sempadan Kelantan–Thailand, khususnya ketiadaan mesin pengimbas kargo dan kenderaan di laluan rasmi seperti

Rantau Panjang, Bukit Bunga dan Pengkalan Kubor.

Selain itu, isu buli di sekolah dan institusi pertahanan turut disentuh. Wan Martina menegaskan tragedi yang meragut nyawa pelajar harus menjadi isyarat jelas bahawa undang-undang lebih tegas serta pendidikan moral yang menyeluruh perlu digerakkan segera.

Dalam persidangan tersebut, beliau juga menyertai perbahasan beberapa rang undang-undang penting termasuk RUU Fi (Feri Pengkalan Kubor) 2025, RUU Kredit Pengguna 2025, RUU Perolehan Kerajaan 2025, RUU Pek-

“

Kelantan perlu mendapat peluang ekonomi, akses kepada infrastruktur moden, pendidikan berkualiti, dan kehidupan rakyat yang lebih sejahtera. Itu tanggungjawab kita dalam RMK-13,”

erja Gig 2025 dan beberapa pindaan undang-undang lain.

YB Senator Wan Martina turut berharap suara yang dibawa ke Dewan Negara akan membuahkan hasil dalam bentuk dasar dan tindakan nyata, khususnya bagi memperkuat keyakinan rakyat terhadap institusi legislatif tertinggi negara.

“Kelantan perlu mendapat peluang ekonomi, akses kepada infrastruktur moden, pendidikan berkualiti, dan kehidupan rakyat yang lebih sejahtera. Itu tanggungjawab kita dalam RMK-13,” katanya ketika dihubungi, hari ini.





Projek LTSIP Fasa 2 catat kemajuan 88.95 peratus, 2 hari mendahului jadual

Kijang Muda Zon Pasir Mas 2 mengaum, julang kejuaraan Karnival Bola Sepak KMFC ABZI U8

Oleh Norzana Razaly

PASIR MAS, 10 September – Baru setahun kategori Bawah 8 tahun (U8) diperkenalkan, Akedemi Kijang Muda Zon Pasir Mas 2 terus menyerlahkan taringnya apabila muncul johan dalam Karnival Bola Sepak U8 KMFC ABZI di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Muhyidin, Tumpat pada 30 Ogos lalu.

Kejuaraan tersebut sekali gus melengkapkan rekod gemilang dengan tiga podium berturut-turut musim ini.

Skuad cilik yang dibimbing Ketua Jurulatih Ainun Aswadi Mohd Ainun bersama penolong jurulatih Hasran Hisyam Abdul Hamid dan Mohd Azlim Che Kasim memamerkan disiplin taktikal mantap meskipun masih berusia rebung.

Menurut Ainun Aswadi, Akademi KMFC ABZI Pasir Mas 2 yang ditubuhkan pada Februari 2023 adalah akademi bola sepak di bawah kepimpinan Zahasmi Ismail.



“KMFC ABZI Zon Pasir Mas mempunyai 4 zon latihan. Kelab ini terdiri daripada tujuh pemain muda sebagai tonggak utama kejayaan tersebut.

“Mereka ialah Muhammad Aydeen Iskandar Azman, penyerang prolific yang dua kali dinobatkan Pemain Terbaik (3 Mei dan 30 Ogos) berganding dengan Muhammad Razin Rasydi, juga pemenang gelaran Pemain Terbaik pada 31 Mei.

“Benteng pertahanan diperkukuh oleh trio kental Wan Emir Emran (pertahanan kiri), Muhammad Afeeff Adwa’ (pertahanan tengah), dan Mohamad Akif Irsyad (perta-

hanan kanan).

“Manakala kawalan padang tengah digerakkan oleh Abdullah Khairi Ismail. Di gawang, Ahmad Faheem Ridzuan Rozaidi menjadi tembok kebal yang menyelamatkan pasukan pada saat genting,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Katanya lagi, sejak penubuhan Akademi Kijang Muda Zon Pasir Mas 2 pada 11 April 2024, para pelatih yang menyertai akademi itu bermula seawal usia 6 tahun hingga 16 tahun.

“Latihan yang dijalankan secara konsisten di padang Sekolah Kebangsaan Sultan Ibrahim 1 (SIS)



pada setiap pagi Jumaat dan Sabtu dengan sokongan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK).

“Skuad ini terus melakar sejarah sejak 3 Mei 2025 dengan merangkul naib johan. Kejayaan yang sama berulang pada 31 Mei 2025.

“Seterusnya, mempertingkatkan rekod terkini kepada gelaran johan Karnival Bola Sepak KMFC ABZI U8 pada 30 Ogos lepas,” katanya.

Beliau optimis, kejayaan tersebut membuktikan bahawa pelatih Kijang Muda sudah bersedia mengaum lebih jauh, bukan sekadar di peringkat daerah dan negeri tetapi juga ke pentas lebih mencabar.

Goodwill Games 2025: Kelantan julang diplomasi sukan rentas sempadan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 September – Kelantan menyatakan komitmen penuh untuk menyertai Goodwill Games 2025, kejohanan sukan antarabangsa rentas sempadan yang mempertemukan atlet dari negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia dengan wilayah selatan Thailand.



Acara anjuran Pejabat Pelancongan dan Sukan Wilayah Narathiwat itu menghimpunkan penyer-taan dari Narathiwat, Yala, Patani, Satun, Kelantan dan Terengganu, sekali gus menjadikan sukan sebagai wahana diplomasi serta pemangkin perpaduan serantau.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhammad berkata,

penglibatan Kelantan adalah simbol keutuhan semangat kesukanan yang melangkaui batas geografi.

“Penganjuran Goodwill Games 2025 bukan sahaja mengangkat agenda pembangunan sukan, tetapi juga memperkukuh hubungan dua hala, silaturahim dan kerjasama serantau antara negeri dan wilayah jiran,” katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Goodwill Games 2025 dijadualkan berlangsung di Sungai Golok, Thailand, dengan menampilkan pelbagai acara sukan merakyat dan kompetitif termasuk bola sepak, Muay Thai, bola sepak Alstar, petanque, bola tampar, pencak silat, memanah, sepak takraw serta sukan tradisional lain.

YB Zamakhshari berkata, penyertaan Kelantan selaras dengan dasar negeri untuk melahirkan belia yang sihat, aktif dan berdaya saing.

“Kami berharap atlet-atlet serta pasukan yang bertanding akan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi, selain membuka ruang kerjasama lebih erat dalam bidang pelancongan, kebudayaan dan ekonomi serantau,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa inisiatif tersebut harus menjadi platform berterusan untuk merapatkan hubungan diplomatik, selain mengukuhkan jambatan persahabatan antara Kelantan, Terengganu dan wilayah selatan Thailand.